

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 26 OGOS 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 7

Perbincangan tiga pihak perincian Dasar Gaji Progresif

Perbincangan tiga pihak perincian Dasar Gaji Progresif

Kuala Lumpur: Perbincangan tiga pihak, iaitu kerajaan, wakil majikan dan wakil kumpulan pekerja perlu diadakan bagi memperincikan Dasar Gaji Progresif yang dijangka dimulakan April atau Mei tahun depan.

Presiden Kongres Kesatuan Se-kerja Malaysia (MTUC), Mohd Effendy Abdul Ghani, berkata ia bagi membolehkan maklum balas dan maklumat tepat diperolehi, sebelum apa-apa keputusan berkaitan dasar itu dibuat.

"Perbincangan tiga pihak ini perlu bagi perancangan secara terperinci sebelum apa-apa perkara diputuskan. Ia termasuk berkaitan kenaikan gaji dan kumpulan sasaran ditetapkan bagi pelaksanaan dasar berkenaan," katanya kepada *BH*, semalam.

Mengenai jangkaan kenaikan upah pekerja susulan pelaksanaan dasar tersebut, Mohd Effendy berkata, setakat ini, masih tiada sebarang anggaran mengenainya atau sektor industri yang perlu diberi tumpuan khusus.

Laksana dasar tahun depan

Kelmarin, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, memaklumkan Dasar Gaji Progresif dijangka dilaksanakan pada April atau Mei tahun depan dan peruntukan kewangannya akan dimasukkan dalam Belanjawan 2024, yang akan dibentangkan Oktober ini.

Dasar itu mendapat kelulusan secara prinsip daripada Kabinet, namun pendekatannya perlu melalui pelbagai proses termasuk membabitkan pihak berkepentingan dan penelitian peringkat ia akan dilaksanakan yang akan menterjemahkan komitmen kewangan perlu diperuntukkan kerajaan.

Pada 7 Ogos lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata Kabinet akan membincangkan Dasar Gaji Progresif bagi memperhalusi pelaksanaannya secara berperingkat, selain meneroka keperluan memperuntukkan dana sebagai insentif dasar.

Dana berkenaan bagaimanapun akan ditentukan mengikut kedudukan semasa kewangan kerajaan dan keperluan dasar.

Perdana Menteri berkata, dasar itu dibincangkan pada Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) sebagai satu anjakan ke arah memulihkan pasaran pekerja supaya gaji pekerja dapat ditingkatkan dengan lebih konsisten dan pengalihan gaji lebih seimbang.

Katanya lagi, dasar itu bersifat sukarela, berteraskan insentif dan terkait dengan produktiviti.